

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HKN 101 Puitika dan Konvensi Dalam Kesusasteraan Nusantara

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Seperti yang lazim diketahui, di seluruh dunia pada tahap awal seni lakon mempunyai hubungan erat dengan agama sehingga wayang dapat dimengerti sebagai suatu ritual yang bercorak agamawi. Dengan merujuk kepada contoh-contoh konkret, tunjukkan unsur ritual agamawi dalam wayang Siam. Jelaskan mengapakah pada masa dahulu dari semasa ke semasa diadakan persembahan wayang Siam di kampung-kampung?
2. Dalam *Sejarah Melayu* diceritakan bahawa pada malam sebelum Portugis menyerang Melaka para pahlawan Melayu minta Sultan Ahmad memberikan kepada mereka *Hikayat Muhammad Hanafiyah* tapi pada mulanya hanya diberikan *Hikayat Amir Hamzah* sahaja. Jelaskan mengapakah episod ini boleh diertikan sebagai berkisar pada kuasa tekstual dalam memberikan teladan.
3. Dalam kebudayaan lisan dikenali dua teknik untuk menetapkan pengetahuan yang penting untuk suatu masyarakat, iaitu menghafaz teks dan mengingat teks. Jelaskan perbezaan antara kedua-dua teknik. Dengan merujuk kepada tradisi Awang Belanga buktikan bahawa ingatanlah dan bukan hafazan yang memainkan peranan terpenting dalam proses penurunan dan penyampaian cerita-cerita jenis sastera ini.
4. Menurut hermeneutik Islam setiap pembaca dalam usahanya mencari makna sesbuah teks - dan khasnya makna sesbuah teks yang bercorak agamawi - sepatutnya melalui dua tahap pengertian. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang diambil daripada teks-teks yang bercorak agamawi, bincangkan kedua-dua tahap tersebut dan caranya si pembaca sepatutnya mempersiapkan diri untuk setiap tahap.

..../2

5. Dalam kebudayaan komunikasi tulisan kita sekarang ini wujud suatu kecenderungan semulajadi untuk menghadkan konsep teks hanya kepada teks-teks yang wujud dalam bentuk tulisan sahaja. Dengan merujuk kepada contoh-contoh konkret, hujahkan mengapakah konsep teks itu harus dilonggarkan seandainya kita ingin mengkaji teks sastera lisan dengan mengambilkira semua unsur dalam penyampaiannya?
6. Dalam sastera Melayu tradisional jarang sekali ditemukan kes seseorang pengarang yang menunjukkan mukanya, sehingga biasanya dahulu tokoh itu amat samar. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang wajar, bezakan antara beberapa tahap kesamaran yang boleh dicam dalam sastera Melayu tradisional dari abad ke-16 sampai abad ke-19. Mengapakah agaknya tokoh pengarang lambat laun lebih dipentingkan?
7. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang diambil dari tradisi Melayu mahupun dari tradisi bukan Melayu, jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan konsep puitika? Bincangkan di manakah dan dalam bentuk apakah kita boleh memperolehi informasi tentang puitika, masing-masing dalam kebudayaan yang berkomunikasi lisan dan yang berkomunikasi tulisan?

--oo000oo--